

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

17. Apakah tindakan atau kaedah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri supaya dapat membantu anak muda tempatan dapat peluang pekerjaan?
- (a) Sekiranya ada, sila nyatakan kaedah yang telah diambil.
  - (b) Selepas tindakan diambil, berapa peratus yang telah mendapat pekerjaan?
  - (c) Adakah Kerajaan Negeri memberi kursus kepada anak muda yang sedang mencari kerja?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Belia merupakan tonggak negara yang bakal memacu pentadbiran negara pada masa hadapan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu anak muda tempatan mendapat peluang pekerjaan adalah seperti berikut :
- (i) Meningkatkan Pelaburan  
Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan perkembangan pelaburan baru dan pelaburan semula di Pulau Pinang yang akan mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Pada tahun 2017, Pulau Pinang mencatatkan rekod pelaburan asing (FDI) tertinggi dalam bidang pembuatan antara negeri-negeri di Malaysia, dengan nilai FDI RM8.5 bilion. Jumlah peluang pekerjaan

yang diwujudkan adalah sebanyak 13,553. Kadar pengangguran di Pulau Pinang kekal stabil pada 2.1%, iaitu kedua terendah antara negeri-negeri di Malaysia.

(ii) Mempelbagaikan Jenis Pekerjaan

Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi (*high value jobs*). Dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) merupakan sektor baru yang diperkenalkan.

(iii) Memperkenalkan Program Penang @CAT

Satu program baharu dinamakan “Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)” telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*).

Kerajaan Negeri turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman tanpa sebarang cagaran dan penjamin kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Golongan yang berminat boleh memohon skim ini melalui PDC.

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) yang memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai

kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM750,000 telah disediakan di mana sehingga Jun 2018, sebanyak RM582,000 telah diagihkan kepada 108 orang belia untuk menikmati kemudahan kredit ini. Golongan yang berminat boleh memohon Tabung Usahawan Tani melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan Jabatan Perikanan.

Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) menjalankan pepadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja (*job seeker*) dengan pekerjaan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Jun 2018, seramai 10,205 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,430 pepadanan jawatan telah dijalankan iaitu sebanyak 63%. Kerajaan Negeri tiada maklumat khusus mengenai peratus belia yang telah mendapat pekerjaan selepas hasil usaha Kerajaan Negeri ini.

Dalam membantu anak muda tempatan mencari pekerjaan, Kerajaan Negeri melalui Penang Skills Development Centre (PSDC) telah memperkenalkan Program Meister Malaysia. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM6 juta untuk Program Meister Malaysia.